

Kemenangan Bersama Kesabaran

Daripada Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW bersabda:

النَّصْرُ مَعَ الصَّبْرِ، وَالْفَرَجُ مَعَ الْكَرْبِ، وَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya: "Kemenangan bersama kesabaran, pelepasan bersama kesusahan dan sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kesenangan."

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Khatib dalam *Tarikh Baghdad* (10/287)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini antara lain memberi satu suntikan kepada umat Islam supaya sentiasa bergantung kepada Allah. Pada saat yang sama amat perlu berusaha, berikhtiar, bermunajat dan sentiasa berstrategi dalam mengatur tindakan.
2. Dalam hadis ini satu jaminan daripada Allah jika seseorang itu mempunyai sifat sabar, berdoa dan berusaha dengan bersungguh-sungguh yang cahaya kemenangan pasti bersinar dan muncul dalam kehidupan.
3. Sabar adalah salah satu daripada tangga-tangga ibadah menurut *ahli sunnah wa al-jamaah*, bahkan ini merupakan darjat dan tangga ibadah yang paling agung. Allah SWT menyebutkan lebih daripada 90 kali pada pelbagai tempat di dalam al-Quran, adakalanya dengan memuji kesabaran itu sendiri, adakalanya juga dengan memuji orang-orang yang bersabar, mencela orang yang tidak bersabar, menjelaskan pahala orang-orang yang bersabar di sisi Allah dan darjat apa sahaja yang telah disediakan oleh Allah untuk mereka.

Di dalam Islam, sabar ada tiga darjat:

- i. Sabar terhadap ketaatan.
 - ii. Sabar terhadap kemaksiatan.
 - iii. Sabar terhadap ketentuan dan musibah.
4. Darjat sabar yang paling agung adalah sabar terhadap ketaatan. Kerana itulah sabar yang paling agung yang diharapkan. Tatkala kamu melaksanakan ketaatan, lalu kamu bersabar terhadapnya dan menyabarkan dirimu, supaya kamu sentiasa melaksanakannya sesuai dengan bentuk yang paling sempurna, dengan segala kekhusyukan dan ketundukannya.
 5. Sabar terhadap kemaksiatan, iaitu tatkala jiwamu yang sentiasa menyuruh untuk melakukan kejahatan dan ia akan membinasakan dirimu, lalu kamu sabar dan mengharapkan pahala hanya daripada Allah SWT.
 6. Sabar menerima takdir Allah SWT, dilakukan ketika Allah telah menetapkan takdir-Nya atasmu dan untuk meringankan dosa-dosamu atau meninggikan darjatmu. Apabila hal ini sudah diketahui, maka salah satu ciri yang dimiliki para kekasih Allah adalah bersabar dan disertakan keyakinan yang kuat.
 7. Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah pernah ditanya: Dengan cara apakah sebuah kepimpinan di dalam agama diperoleh? Dia menjawab: Dengan kesabaran dan keyakinan.
 8. Para hamba Allah yang soleh diuji dengan pelbagai musibah. Ada yang diuji dengan harta-benda, lalu dia kehilangan harta bendanya itu dan ada juga yang diuji dengan akalanya sehingga akalanya hilang dan dia menjadi bodoh. Ada juga yang diuji pada tubuhnya, sehingga sebahagian daripada anggota tubuh dan pancainderanya tidak berfungsi. Ada juga yang diuji dengan anaknya, yang diculik oleh orang atau meninggal dunia atau dia pergi menghilang dan tidak kembali. Ada juga yang diuji dengan harga dirinya, lalu dia dituduh dengan suatu tuduhan yang dia sebenarnya bebas darinya, sebenarnya tuduhan itu tidak layak untuknya dan dia tidak layak untuk itu, tetapi dia sabar dan mengharapkan pahala hanya daripada Allah SWT.
 9. Cubaan dan ujian itu merupakan salah satu *sunnatullah* yang berlaku terhadap para hamba-Nya. Allah SWT menguji para hamba-Nya itu kerana empat faktor:
 - i. Ketinggian darjat di dunia dan di akhirat.

- ii. Pembinaan dan pendidikan.
- iii. Pernyataan penghambaan yang sebenarnya.
- iv. Pahala dan ganjaran di sisi Allah SWT.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Sebaik-baik hari adalah hari yang memberikan tambahan kesabaran kepada anda, yang memberikan ilmu kepada anda, yang mencegah agar tidak semakin tenggelam dalam dosa, yang membukakan pemahaman dan yang memberikan tekad yang kuat dalam diri anda.
- ❖ **Pujangga berkata:** Jika anda menginginkan jalan keluar (dari Allah) dari semua hal yang membuat anda merasa takut hentikanlah hubungan anda dengan sesama makhluk sama ada kecil ataupun besar, jangan bergantung harapan selain daripada Allah dan himpunkan seluruh rasa putus asa dari semua orang yang ada di dunia.

Kisah Teladan

Seorang lelaki berkata kepada Antarah: Apa rahsia keberanianmu, sehingga engkau dapat mengalahkan ramai orang? Antarah menjawab: Letakkanlah jarimu ke mulutku, dan di mulutmu. Maka lelaki itu meletakkan jarinya di mulut Antarah dan Antarah pun meletakkan jarinya di mulut lelaki itu, masing-masing saling menggigit jari temannya.

Selepas digigit lelaki itu menjerit kesakitan dan tidak bersabar. Antarah mengeluarkan jarinya dan berkata: Dengan inilah aku mengalahkan orang yang berani. Ertinya dengan kesabaran dan kekuatan.

Itulah sebuah kesabaran yang digambarkan dalam kisah di atas. Ertinya kesabaran memerlukan kekuatan dalaman dan spiritual, dan kekuatan tersebut boleh ditambah lagi dengan akrabnya seseorang hamba bermunajat kepada Tuhannya.